

**NO. SOALAN : 96**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING**  
**[ SERDANG ]**

**TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan orang yang telah dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 sejak dimulakan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] telah diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010 dan telah mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2010. Tujuan utama akta ini adalah untuk menggalakkan orang ramai supaya berani untuk tampil membuat pendedahan mengenai kelakuan tidak wajar seperti rasuah dan salah laku lain yang berlaku di dalam sektor awam dan swasta untuk disiasat dan diambil tindakan seterusnya.
2. Bagi tempoh Januari 2011 sehingga Februari 2016, seramai 396 orang Pemberi Maklumat diberikan perlindungan berterusan di bawah Akta ini.

Sekian, terima kasih.